



Insurans Cathay Century
Cathay Century Insurance

No. 296, Section 4, Ren'ai Rd., Taipei City 106436
Talian Khidmat Pelanggan: 0800-212-880
www.cathay-ins.com.tw



Domestik
Pos Dibayar

Lesen Pejabat Pos Taipei
Taipei No. 1161

Poskad

Notis Pembelian Insurans Liabiliti Wajib Kereta

Insurans liabiliti kereta wajib anda akan tamat tempoh tidak lama lagi. Untuk melindungi hak insurans anda dan mengelakkan penalti dikenakan oleh pihak berkuasa kawal selia kerana tidak mempunyai insurans, sila memperbaharui insurans anda secepat mungkin. (※Sekiranya anda telah memperbaharui insurans atau tidak memerlukan insurans, sila abaikan notis ini.)

- Nombor pendaftaran kenderaan tamat tempoh:
- Unit perkhidmatan asal:
- Wakil jualan:
- Tarikh tamat insurans liabiliti wajib:
- Wakil khidmat pelanggan:
- Telefon perkhidmatan:

※ Sekiranya nombor pendaftaran kenderaan anda adalah dibiarkan kosong atau terdapat perubahan pada maklumat berkaitan, sila hubungi khidmat pelanggan untuk mengemaskini maklumat tersebut bagi melindungi hak insurans anda.

(1) Syarikat kami telah menggunakan "Sijil Insurans Liabiliti Kereta Wajib Elektronik" dengan sepenuhnya. Sila pastikan anda memberi nombor telefon bimbit atau alamat e-mel yang betul supaya sijil insurans elektronik dapat dihantar ke telefon bimbit atau e-mel anda untuk mudah dibawa. Sekiranya anda belum memberi nombor telefon bimbit atau alamat e-mel sebelum ini, sila hubungi talian bebas tol syarikat kami di 0800-212-880. Pada masa yang sama, syarikat kami juga akan menghantar maklumat insurans anda ke pangkalan data Pejabat Pengangkutan Jalan untuk memudahkan anda menguruskan sebarang urusan berkaitan di Pejabat Pengangkutan Jalan.

(2) Sekiranya anda tidak dapat atau tidak ingin memberikan nombor telefon bimbit atau alamat e-mel, syarikat kami tidak dapat menghantar sijil insurans elektronik kepada anda. Anda boleh melayari laman web rasmi syarikat kami (<https://www.cathay-ins.com.tw/>) atau laman web Insurans Liabiliti Kereta Wajib (<https://ecard.cali.org.tw/>) untuk membuat semakan dan memuat turun sijil. Walau bagaimanapun, urusan berkaitan dengan Pejabat Pengangkutan Jalan tidak akan terjejas. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi talian bebas tol syarikat kami di 0800-212-880.

Anda boleh membeli insurans semula melalui kaedah berikut:

- 1 Hubungi wakil khidmat pelanggan asal anda, atau lawati ke mana-mana cawangan syarikat kami.
- 2 Membeli insurans melalui laman web rasmi syarikat kami dengan harga yang lebih berbaloi:

<https://www.cathay-ins.com.tw/>

- ◀ Dalam tempoh satu bulan dari tarikh tamat tempoh, sekiranya anda telah menyertai keahlian syarikat kami, selepas log masuk, sistem akan memaparkan maklumat pembaharuan secara automatik, di mana dapat mengurangkan kemasukan data secara manual dan memudahkan pembaharuan insurans!
- ◀ Pembelian insurans dalam talian kini dibuka untuk kenderaan berikut: [kenderaan persendirian, lori kecil dan van untuk kegunaan peribadi]. Para pemilik kenderaan tersebut dialu-alukan untuk menggunakan kemudahan ini.



Belilah insurans kereta sekarang



Peringatan

Tentang insurans
liabiliti wajib

- Sekiranya anda memerlukan sijil insurans dengan segera untuk menguruskan pelbagai urusan di Pejabat Pengangkutan Jalan, sila lawati ke mana-mana cawangan syarikat kami yang berdekatan untuk pembelian insurans secara terus bagi mengelakkan kelewatan.
- Sekiranya anda pergi ke Pejabat Pengangkutan Jalan untuk pemeriksaan kenderaan, pembaharuan lesen kenderaan, dan pendaftaran perubahan maklumat kenderaan, tempoh sah insurans liabiliti wajib anda mestilah melebihi 30 hari. Jika tidak, Pejabat Pengangkutan Jalan tidak dapat memproses urusan tersebut mengikut undang-undang.
- Bagi pemilik kenderaan yang tidak membeli insurans mengikut undang-undang akan didenda NT\$1,500 - NT\$3,000 untuk motosikal, NT\$3,000 - NT\$15,000 untuk kereta. Sekiranya berlaku kemalangan tanpa insurans, denda sebanyak NT\$9,000 - NT\$32,000 akan dikenakan.
- Untuk memudahkan penggunaan sijil insurans liabiliti wajib elektronik, anda perlu memberikan nombor telefon bimbit (boleh diberi kepada wakil khidmat pelanggan anda, melalui talian khidmat pelanggan, atau semasa pembelian insurans dalam talian).

Perubahan
maklumat

- Selepas pembelian insurans, sekiranya terdapat perubahan seperti pemindahan hak milik kenderaan, pelupusan, atau pemberhentian penggunaan kenderaan, atau perubahan alamat anda, sila hubungi khidmat pelanggan (0800-212-880) untuk mengemaskini maklumat kenderaan dan pemilik yang betul serta menyediakan dokumen berkaitan untuk melindungi hak insurans anda.

Peringatan lain

- Bayaran bahan api kereta dan motosikal persendirian akan dikenakan pada bulan Julai setiap tahun. Pemilik kenderaan diminta untuk membuat bayaran bagi mengelakkan penalti disebabkan pembayaran lewat.
- Menurut Akta Pencegahan dan Kawalan Pencemaran Udara, bagi kenderaan yang melebihi lima tahun daripada tarikh pendaftaran perlu menjalani pemeriksaan kenderaan setiap tahun, dalam tempoh sebulan sebelum atau selepas bulan pendaftaran kenderaan tersebut untuk mengelakkan penalti.



Tambah akaun rasmi LINE
Insurans Cathay Century
dan nikmati perkhidmatan
digital yang mudah seperti:
Inquiri permohonan polisi,
perubahan polisi, notifikasi
status tuntutan dan
sebagainya.



Domestik
Pos Dibayar

Lesen Pejabat Pos Taipei
Taipei No. 1161

Poskad

Notis Tamat Tempoh Insurans Liabiliti Kereta
Wajib
Notis Pembaharuan Insurans Kali Pertama /
Kedua

Notis Tamat

Insurans liabiliti kereta wajib anda telah tamat tempoh dan terputus perlindungan. Untuk melindungi hak insurans anda dan mengelakkan penalti dikenakan oleh pihak berkuasa kawal selia kerana tidak mempunyai insurans, sila jelaskan pembayaran premium insurans anda secepat mungkin. Polisi pembelian insurans semula berkuat kuasa mulai tarikh pembayaran. (※ Sekiranya anda telah memperbaharui insurans dan membuat pembayaran atau tidak memerlukan insurans, sila abaikan notis ini)

- Nombor pendaftaran kenderaan tamat tempoh:
- Unit perkhidmatan asal:
- Wakil jualan:
- Tarikh tamat insurans liabiliti wajib:
- Wakil khidmat pelanggan:
- Telefon perkhidmatan:

(1) Syarikat kami telah menggunakan "Sijil Insurans Liabiliti Kereta Wajib Elektronik" dengan sepenuhnya. Sila pastikan anda memberi nombor telefon bimbit atau alamat e-mel yang betul supaya sijil insurans elektronik dapat dihantar ke telefon bimbit atau e-mel anda untuk mudah dibawa. Sekiranya anda belum memberi nombor telefon bimbit atau alamat e-mel sebelum ini, sila hubungi talian bebas tol syarikat kami di 0800-212-880. Pada masa yang sama, syarikat kami juga akan menghantar maklumat insurans anda ke pangkalan data Pejabat Pengangkutan Jalan untuk memudahkan anda menguruskan sebarang urusan berkaitan di Pejabat Pengangkutan Jalan.

(2) Sekiranya anda tidak dapat atau tidak ingin memberikan nombor telefon bimbit atau alamat e-mel, syarikat kami tidak dapat menghantar sijil insurans elektronik kepada anda. Anda boleh melayari laman web rasmi syarikat kami (<https://www.cathay-ins.com.tw/>) atau laman web Insurans Liabiliti Kereta Wajib (<https://ecard.cali.org.tw/>) untuk membuat semakan dan memuat turun sijil. Walau bagaimanapun, urusan berkaitan dengan Pejabat Pengangkutan Jalan tidak akan terjejas. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi talian bebas tol syarikat kami di 0800-212-880.

Premium pembaharuan insurans dikira berdasarkan butiran polisi anda sebelum ini. Anda boleh memperbaharui insurans melalui kaedah berikut:

① Pembayaran kad kredit dalam talian melalui laman web syarikat kami: <https://smartpay.cathay-ins.com.tw> atau cari dalam talian "Cathay Insurance Online Payment"

② Pergi ke 7-ELEVEN: Gunakan ibon → Tambah nilai/Bayaran → Bank & Insurans → Semakan Bayaran Insurans dan cetak slip pembayaran.

③ Bawa notis ini ke mana-mana kedai serbaneka seperti 7-ELEVEN, FamilyMart, Hi-Life, OK Mart untuk membuat pembayaran.

▲ Anda diingati bahawa poskad ini hanya memaparkan premium insurans liabiliti wajib. Sekiranya anda menggunakan kaedah pembayaran ① atau ②, jumlah premium pembaharuan akan dikira berdasarkan butiran polisi anda sebelum ini. Bagi mereka yang gagal mencari maklumat pembayaran atau mempunyai keperluan insurans yang lain, sila hubungi unit perkhidmatan asal atau lawati mana-mana cawangan syarikat kami ▲



Imbas kod QR untuk
membuat pembayaran
dalam talian



Tambah Insurans Cathay Century sebagai rakan LINE dan
nikmati perkhidmatan insurans kereta digital baharu.

- (1) Institusi yang dilantik hanya bertanggungjawab untuk mengutip premium insurans dan tidak berhak untuk mewakili syarikat kami menyatakan apa-apa pendapat atau memberikan apa-apa maklumat bagi sebarang urusan lain. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi syarikat kami.
- (2) Syarikat kami akan mengeluarkan dokumen rasmi (termasuk sijil insurans dan resit) dalam tempoh 7-10 hari bekerja dari tarikh pembayaran. Sila hubungi Unit Khidmat Pelanggan kami (0800-212-880) sekiranya anda masih belum menerima dokumen rasmi tersebut selepas 20 hari dari tarikh pembayaran. Pemegang polisi hendaklah menyimpan resit pembayaran sebagai rujukan sehingga anda menerima dokumen rasmi (termasuk sijil insurans dan resit).
- (3) Institusi yang dilantik tidak dibenarkan untuk mengutip bayaran lanjutan insurans/ premium pembaharuan yang melebihi tempoh tangguh.

Peringatan tambahan untuk anda

Tentang insurans liabiliti wajib

● Sekiranya anda memerlukan sijil insurans dengan segera untuk menguruskan pelbagai urusan di Pejabat Pengangkutan Jalan, sila lawati ke mana-mana cawangan syarikat kami yang berdekatan untuk pembelian insurans secara terus bagi mengelakkan kelewatan.

● Sekiranya anda pergi ke Pejabat Pengangkutan Jalan untuk pemeriksaan kenderaan, pembaharuan lesen kenderaan, dan pendaftaran perubahan maklumat kenderaan, tempoh sah insurans liabiliti wajib anda mestilah melebihi 30 hari. Jika tidak, Pejabat Pengangkutan Jalan tidak dapat memproses urusan tersebut mengikut undang-undang.

● Bagi pemilik kenderaan yang tidak membeli insurans mengikut undang-undang akan didenda NT\$1,500 - NT\$3,000 untuk motosikal, NT\$3,000 - NT\$15,000 untuk kereta. Sekiranya berlaku kemalangan tanpa insurans, denda sebanyak NT\$9,000 - NT\$32,000 akan dikenakan.

● Untuk memudahkan penggunaan sijil insurans liabiliti wajib elektronik, anda perlu memberikan nombor telefon bimbit (boleh diberi kepada wakil khidmat pelanggan anda, melalui talian khidmat pelanggan, atau semasa pembelian insurans dalam talian).

● Pejabat Pengangkutan Jalan akan membatalkan lesen pemegang polisi sekiranya pemilik kereta, motosikal dan kenderaan mini elektrik dua roda gagal memperbaharui insurans mengikut peraturan Insurans Liabiliti Wajib Kenderaan melebihi enam bulan selepas tamat tempoh polisi.

Perubahan maklumat

● Selepas pembelian insurans, sekiranya terdapat perubahan seperti pemindahan hak milik kenderaan, pelupusan, atau pemberhentian penggunaan kenderaan, atau perubahan alamat anda, sila hubungi khidmat pelanggan (0800-212-880) untuk mengemaskini maklumat kenderaan dan pemilik yang betul serta menyediakan dokumen berkaitan untuk melindungi hak insurans anda.

Peringatan lain

● Bayaran bahan api kereta dan motosikal persendirian akan dikenakan pada bulan Julai setiap tahun. Pemilik kenderaan diminta untuk membuat bayaran bagi mengelakkan penalti disebabkan pembayaran lewat.

● Menurut Akta Pencegahan dan Kawalan Pencemaran Udara, bagi kenderaan yang melebihi lima tahun daripada tarikh pendaftaran perlu menjalani pemeriksaan kenderaan setiap tahun, dalam tempoh sebulan sebelum atau selepas bulan pendaftaran kenderaan tersebut untuk mengelakkan penalti.